

15 JUL 2002
Peladang Jaya
MD NOR DIPILIH PELADANG JAYA KEDAH

PENDANG, 15 Julai (Bernama) -- Kelulusannya hanya setakat Tingkatan Tiga dan merupakan anak petani yang bermula dari bawah tetapi kini Md Nor Hamzah, 47, mampu meraih pendapatan bulanan puluhan ribu ringgit.

Berkat kesungguhannya yang penuh ranjau dan duri, anak kelahiran Sanglang, Air Hitam itu dianugerahkan gelaran Peladang Jaya Kedah 2002.

Beliau menerima anugerah itu daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri Kedah di sini, hari ini.

Md Nor berkata sebaik tamat persekolahannya, beliau mengambil upah menanam padi di sawah bapanya dan kemudiannya menjadi "broker" jentera menuai padi.

Kejayaannya mula menyerlah apabila mampu membeli sendiri sebuah jentera menuai padi dan kini memiliki lapan jentera seperti itu yang beroperasi di seluruh Semenanjung di samping mengusahakan 60 relung tanaman padi dan dua buah lori untuk mengangkut padi.

Sementara itu, anugerah Usahawan Penternak Jaya dimenangi oleh Hashim Bahari, 50, dari Mahang, Kulim.

Beliau yang mula menternak dua ekor lembu daging pada 1997 kini memiliki 200 ekor lembu. Beliau menjalankan penternakan dengan dibantu oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

Manakala Md Zain Bakar, 51, daripada Kuala Kedah pula dipilih sebagai Nelayan Jaya kerana hasil usahanya sebagai nelayan sejak 30 tahun lepas dan kini berjaya memiliki dua buah bot menangkap ikan laut dalam.

Beliau memperolehi pendapatan bersih antara RM5,000 dan RM6,000 setiap bulan dengan 40 orang pekerjanya yang mengendalikan dua buah bot itu.

Bersama-sama mereka yang turut menerima anugerah ialah Ishak Md Hussain sebagai Usahawan Penternak Ikan Jaya, Mohd Daud Shaari (Pekebun Kecil Jaya), Sukhilee Hussain (Usahawan Pasar Tani Jaya) dan Khairun Nizar Ismail (Peladang Muda Jaya).

Masing-masing menerima hadiah wang tunai RM1,000 sijil dan cenderahati.

-- BERNAMA

MNH PR